

Headline	Tabung Haji terus cadangan jual plot tanah di TRX		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,251
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,753



Tabung Haji terus cadangan jual plot tanah di TRX

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) akan meneruskan cadangan menjual plot tanah seluas 0.634 hektar di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) dan sedang memuktamadkan perjanjian jual beli.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata pembeli sudah ada tetapi enggan mendedahkan identitinya buat masa ini.

Katanya, pihaknya kekal dengan keputusan menjual plot tanah itu atas keyakinan penjualannya tidak membabitkan sebarang kerugian kepada TH walaupun hanya mampu mendapatkan sedikit keuntungan.

Dimaklumkan dalam masa terdekat

“Pembelinya sudah ada dan maklumat lanjut akan dimaklumkan dalam masa terdekat,” katanya selepas majlis penyerahan kereta Proton Preve kepada johan qari dan qariah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-58 lepas, di bangunan TH, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

Pada 9 Mei lalu, TH memutuskan untuk menjual semula tanah di pusat kewangan TRX itu yang dibelinya daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas mendapat nasihat Perdana Menteri supaya polemik berhubung pembelian tanah terbabit segera ditamatkan.

Sebelum ini, TH membayar RM188.5 juta kepada 1MDB membeli tanah itu untuk dibangunkan dengan membina pangsapuri khidmat. TH memperuntukkan RM11 bilion untuk pelaburan yang hingga kini sejumlah RM5.6 billion sudah digunakan.

Terdahulu, Abdul Azeez menyerahkan dua kereta Proton Preve 1.6 CVT Executive yang ditaja oleh TH bernilai RM124,000 kepada Wan Ainuddin Hilmi Abdullah, 32, dari Kelantan dan Siti Husnaa Hassan, 23, dari Pahang.